

BAHAGIAN PELESENAN	SYARAT – SYARAT MENDIRIKAN PAPAN IKLAN	SL 07	
---------------------------	---	--------------	---

Contoh papan iklan yang telah diletak nombor pendaftaran perniagaan dan nombor akaun lesen serta mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.



Panduan :

- i. Saiz perkataan bagi (b) hendaklah separuh atau $\frac{1}{2}$ daripada saiz perkataan (a).
- ii. Saiz perkataan bagi (c) hendaklah suku $\frac{1}{3}$ daripada saiz perkataan (a).
- iii. Nama Perniagaan yang dipamerkan pada papan iklan mestilah mengikut nama yang tertera di dalam Pendaftaran Perniagaan atau Pendaftaran Syarikat seperti yang diluluskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
- iv. Sekiranya menggunakan bahasa lain selain daripada Bahasa Melayu, saiz perkataan tersebut hendaklah tidak melebihi $\frac{3}{4}$ daripada saiz perkataan Bahasa Melayu.
- v. Penggunaan tatabahasa haruslah tepat dan betul mengikut tafsiran Dewan Bahasa dan Pustaka.
- vi. Bagi pemegang Francais, pameran nama pemunya Francais adalah dibenarkan yang mana nama Francais adalah seperti saiz (a) dan lain-lain perkataan mestilah mengikut saiz seperti (b) dan (c).
- vii. Sebarang papan iklan tidak boleh mempamerkan logo atau perkataan yang mempunyai unsur-unsur negatif atau jenama-jenama yang tidak boleh diiklankan seperti minuman keras, rokok, atau yang tidak diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan.
- viii. Pemasangan papan iklan tidak boleh menutup mana-mana tingkap atau lubang angin atau mana-mana tempat yang difikirkan tidak sesuai serta menyalahi undang-undang yang digunapakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain Jabatan Kerajaan.

Kegagalan pihak tuan/puan mematuhi arahan ini boleh menyebabkan lesen tuan/puan dibatalkan dan tindakan penguatkuasaan akan dikenakan.